

SARA RM100 beri kesan besar jika belanja secara berhemat

Bantuan mampu ringankan beban rakyat beli barang asas harian melalui program MyKasih

Kuala Lumpur: Agihan Bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) RM100 secara sekali beri kepada warga Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas mulai hari ini, memberikan kesan besar sekiranya digunakan secara berhemat.

Ketua Pegawai Operasi (COO) Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin, berkata bantuan itu sekali gus mampu meringankan beban rakyat untuk membeli barang asas harian.

“Inisiatif kerajaan melalui program MyKasih wajar diberi perhatian kerana pelbagai barang asas ditawarkan pada harga jauh lebih rendah berbanding harga biasa.

“Selain itu, program Jualan Rahmah juga menawarkan harga yang jauh lebih rendah daripada kedai biasa.

“Dengan RM100, rakyat bukan

sahaja boleh membeli barang keperluan yang terpilih dengan jumlah lebih banyak, malah mereka juga berpeluang menikmati penjimatan yang ketara melalui program MyKasih.

“Hal ini jelas membuktikan bantuan yang kecil sekalipun tetap mempunyai nilai besar apabila digabungkan dengan inisiatif kerajaan yang dirangka khusus untuk rakyat,” katanya dalam kenyataan semalam.

Rangsang ekonomi tempatan

Selain itu, Nur Asyikin berkata, bantuan RM100 berkenaan berperanan merangsang ekonomi tempatan dan manfaatnya bukan hanya kepada penerima, sebaliknya turut menyumbang kepada kitaran ekonomi negara.

“Bagi T20 atau mereka yang berasaskan tidak memerlukan bantuan, inilah peluang untuk mereka melakukan kebaikan. Bantuan RM100 ini boleh dibelanjakan untuk membeli barang asas dan disum-

bangkan ke pusat warga emas, rumah anak yatim atau pusat jagaan orang kurang upaya (OKU),” katanya.

Nur Asyikin berkata, walaupun bantuan RM100 mungkin tidak mampu menyelesaikan semua masalah kos sara hidup, langkah itu mampu membawa



Nur Asyikin



Bantuan RM100 beri peluang rakyat membeli barang keperluan terpilih dengan jumlah lebih banyak.

(Foto hiasan)

kesan positif sekiranya rakyat benar-benar memanfaatkannya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 23 Julai lalu mengumumkan pemberian RM100 secara sekali beri kepada setiap warga negara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas melalui MyKad di bawah program SARA yang terpakai untuk pembelian barang keperluan berdasarkan 14 kategori produk terpilih.

Anwar berkata, pemberian bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos itu,

ikhtiar segera bagi meringankan beban sara hidup, selain sebagai penghargaan kepada rakyat, yang memberikan manfaat kepada 22 juta penduduk dengan dana RM2 bilion.

Bantuan SARA sebanyak RM100 secara sekali beri menerusi MyKad disalurkan mulai hari ini dan boleh dibelanjakan hingga tempoh 31 Disember 2025 di lebih 4,100 rakan niaga SARA di seluruh negara, termasuk melalui program Jualan Rahmah.

BERNAMA